



# IDEALOGY

## JOURNAL

### **Editor-in-Chief**

Ishak Ramli

Assoc. Prof. Dr Muhammad Abdul Aziz Ab Gani

### **Managing Editor**

Nurul Shima Taharudin

Muhammad Redza Rosman

Haslinda Md Nazri

Mohamad Hafiz Yahaya

Nizar Nazrin

### **Editor**

Professor Dr Shahrizan Zainal Abidin

Dr Sheikh Mehedi Hasan

Professor Dr Anis Sujana

Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi

Assoc. Prof. Dr Sophiya Umar

Asst. Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea

# IDEALOGY JOURNAL

Volume 7, Issue 2, 2022  
Published: 1 September 2022

Published by:  
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X



**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI  
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN  
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN  
NIZAR NAZRIN**

## TABLE OF CONTENTS

EDITORIAL	
<b>Idealogy Journal Information</b>	III
<b>Editorial and Review Board</b>	IV
<b>Kelangsungan Perbincangan Berkaitan Kesenian dan Reka Bentuk: Mukadimah</b>	V-VI
<b><i>Continuation of Discussions Related to Arts and Design: Preface</i></b> <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani; Ishak Ramli</i>	
<b>Arts and Design Discourse in Idealogy Journal: Foreword</b>	VII
<i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin</i>	
ORIGINAL ARTICLE	
<b>The Psychology of Grey in Painting Backgrounds</b>	1-7
<i>Aimi Atikah Roslan, Nurul Shima Taharuddin, Nizar Nazrin</i>	
<b>Emotional Design for Children's Food Packaging</b>	8-24
<i>Wang Haiying, Muhamad Abdul Aziz Ab. Gani</i>	
<b>Virtual Art Gallery Tour: Understanding the Curatorial Approach</b>	25-34
<i>Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan, Aznan Omar</i>	
<b>Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): Satu Kritikan Dalam Memahami Diri T. Alias Taib</b>	35-49
<b><i>Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): A Critique in Understanding T. Alias Taib Himself</i></b> <i>Nur Nafishah Azmi, Ibrahim Jamaluddin</i>	
<b>A Study on Children Customary Clothes in Malay Head Shaving - Cukur Jambul Ceremony for The Malay Royal Tradition</b>	50-58
<i>Nor Idayu Ibrahim, Muhammad Salehuddin Zakaria, Nasaie Zainuddin, Muhammad Hisyam Zakaria</i>	
<b>Modifikasi Interaksi Fisik dalam Pameran Virtual</b>	59-67
<b><i>Modifying Physical Interaction in Virtual Exhibition</i></b> <i>Rani Aryani Widjono, Shania Geraldine</i>	
<b>Digital Illustration as Visual Communication to Promote Kelantan Cultural Heritage</b>	68-75
<i>Roziani Mat Nashir@Mohd Nasir, Ghazali Daimin</i>	
<b>Preliminary Study of Supermarket's Mobile Application Needs for Indonesian Shopper</b>	76-84
<i>Shania Jiehan Geraldine, Dianing Ratri</i>	
<b>Membangunkan Fitur Reka Bentuk dan Susun Atur Poster Kesedaran Dengan Gabungan Emoji</b>	85-97
<b><i>Developing the Design Features and Layout with Combination of Emoji on Awareness Poster</i></b> <i>Noorlida Daud, Ahmad Zamzuri Mohd Ali</i>	
<b>Kronologi Representasi Wanita Dalam Catan Di Malaysia: Dari 1930 Hingga 2020</b>	98-105
<b><i>Chronology of Women Representation in Malaysian Painting: from 1930 to 2020</i></b> <i>Nurul Syifa @ Siti Aishah Ahmarofi, Elis Syuhaila Mokhtar, Issarezal Ismail, Ida Puteri Mahsan</i>	
REVIEW ARTICLE	
<b>Cosmology in Contemporary Public Sculpture</b>	106-118
<i>Mahizan Hijaz Mohammad, Aznan Omar, Mohamad Khairi Baharom, Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hilal Mazlan</i>	
<b>Fahaman Salafi Jihad Dan Ancamannya Dalam Masyarakat Malaysia Semasa: Satu Pengenalan</b>	119-130
<b><i>Salafi Understanding of Jihad and Its Threat in Current Malaysian Society: An Introduction</i></b> <i>Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Siti Maimunah Kahal</i>	
<b>Gambus Johor Sustainability: Issues and Challenges</b>	131-138
<i>Siti Nur Shahirah Hussin, Tazul Izan Tajuddin</i>	
<b>Promoting The Forgotten Local tales of Terengganu "Tujuh Puteri" in digital Interactive Comic Book for Teenager</b>	139-145
<i>Wan Nurfathiyah Binti Wan Abdul Hamid, Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib</i>	

**ARTWORK APPRECIATION ARTICLE**

**Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu 146-153**

***Purpose and Function in The Context of Folk Literature and Malay Joke Stories***

*Hazrul Mazran Rusli, Muhammad Abdullah*

## IDEALOGY JOURNAL INFORMATION

### INTRODUCTION

Idealogy Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA. IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science. This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

### VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

### MISSION

To produce academia with world recognized writing quality  
To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

### PUBLICATION HISTORY

Published various field of arts and social sciences' studies since 2016 onwards.

### PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

### e-ISSN

2550-214X

### COPYRIGHT NOTICE

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Idealogy Journal. the agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in malaysia, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

### COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way. This journal also followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE) [www.publicationethics.org](http://www.publicationethics.org)

### REPRINTS AND PERMISSIONS

All research articles published in Idealogy Journal are made available and publicly accessible via the internet without any restrictions or payment to be made by the user. Pdf versions of all research articles are available freely for download by any reader who intent to download it.

### DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

# EDITORIAL AND REVIEWER TEAM

## JOURNAL ADVISOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid *AMP PMP*  
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

## CHIEF EDITOR

Ishak Ramli  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

## MANAGING EDITOR

**Article Refereeing Process & Authenticity**  
Nurul Shima Taharudin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Digital Object Identifier (DOI), OJS & Archiving**  
Nizar Nazrin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Format & Copyediting**  
Muhammad Redza Rosman  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Visibility & Promotion**  
Mohamad Hafiz Yahaya  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

**Record for Acquisition, Refereeing Process, & Notification**  
Haslinda Md Nazri  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

## EDITOR

**Malaysia**  
Professor Dr Shahriman Zainal Abidin  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Indonesia**  
Professor Dr Tjeptjep Rohendi Rohidi  
(Universitas Dian Nuswantoro, Semarang, Indonesia)

**Bangladesh**  
Dr Sheikh Mehedi Hasan  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

**Pakistan**  
Associate Professor Dr Sophiya Umar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

**Indonesia**  
Professor Dr Anis Sujana  
(Institut Seni Budaya, Indonesia)

**Saudi Arabia**  
Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea  
(Effat University, Saudi Arabia)

## PANEL OF REVIEWERS

### MALAYSIA

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Associate Professor Dr Rusmadiyah Anwar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Associate Professor Dr Azhar Jamil  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Mohd Khairi Baharom  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Nagib Padil  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Hanafi Hj Mohd Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Shahrel Nizar Baharom  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Azian Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Aznan Omar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Hamidi Abdul Hadi  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Zainuddin Md Nor  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

Dr Verly Veto Vermol  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Zahirah Haron  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Dr Saiful Akram Che Cob  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Ishak Ramli  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
Nurul Shima Taharuddin  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

### INDONESIA

Professor Dr Anis Sujana  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Andang Iskandar  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Husein Hendriyana  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Dr Supriatna  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Dr Pandu Purwandaru  
(Universitas 11 Maret, Indonesia)  
Dr M. Zaini Alif  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Drs Deden Maulana, M.Ds  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Drs Syaiful Halim., M.I.Kom  
(Institut Seni Budaya Indonesia)  
Ratno Suprpto., M.Ds  
(Universitas Pembangunan Jaya Indonesia)

### SAUDI ARABIA

Asst. Professor Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea  
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Mueen Uddin  
(Effat University, Saudi Arabia)

Asst. Professor Dr. Shajid Khalifa  
(Effat University, Saudi Arabia)

### BANGLADESH

Mr Al-Monjur Elahi  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sidhartha Dey  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

Dr Sheikh Mehedi  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

### PAKISTAN

Associate Professor Dr Sophiya Umar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Masood Akhtar  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

Shah Zaib Raza  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

### PHILIPPINES

Jeconiah Louis Dreisbach  
(De La Salle University, Philippines)

## Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): Satu Kritikan Dalam Memahami Diri T. Alias Taib

### *Hingar-Bingar Pasar Pengalaman (2004): A Critique in Understanding T. Alias Taib Himself*

Nur Nafishah Azmi<sup>1</sup>, \*Ibrahim Jamaluddin<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Kolej Pengajian Seni Kreatif,

Universiti Teknologi MARA 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Institutional e-mail: [nafishah2610@uitm.edu.my](mailto:nafishah2610@uitm.edu.my)<sup>1</sup>, [\\*ibrahim836@uitm.edu.my](mailto:*ibrahim836@uitm.edu.my)<sup>2</sup>

\*Corresponding author

*Received: 15 March 2022, Accepted: 20 May 2022, Published: 1 September 2022*

#### **ABSTRAK**

*Hingar bingar merupakan keadaan bising, riuh-rendah, hiruk-pikuk dan semua orang berteriak-teriak sehingga suasana menjadi tidak tenteram. Itu adalah perasaan seseorang apabila menjejakkan kaki ke pasar. Perasaan ini berbeza apabila penulis membaca Pasar Pengalaman (2004), daripada T. Alias Taib. Pasar yang diterjemahkan dalam buku Antologi Puisi Pasar Pengalaman (2020) adalah falsafah diri T. Alias Taib sendiri. Kajian ini akan membawa satu pelayaran kepada pengalaman yang telah dialami oleh T. Alias Taib pada ketika puisi ini dituliskan seterusnya membuktikan bahawa keadaan hingar bingar di pasar masih wujud sehingga saat ini. Bagi merealisasikan pelayaran kajian ini, kaedah yang akan digunakan adalah kritikan sastera yakni menggunakan tafsiran terhadap karya sastera dalam menganalisis, sambil melihat konteks yang kompleks untuk memberi pemahaman mengenai bagaimana puisi yang dipilih sesuai dengan pengalaman manusia yang tidak pernah pupus. Pelayaran pengalaman Pasar Pengalaman akan membawa pembaca sedar akan kewujudan falsafah diri T. Alias Taib masih hidup sehingga kini. Teori fenomenologi-rasa akan menjadi sandaran kepada kajian ini yang mana ia akan menjelaskan dua jenis struktur iaitu multi-layered dan quasi temporal. Ini akan ditambahkan lagi dengan penerangan rasa yang dijelaskan Bersama fenomenologi iaitu tuntutan kepada emosi. Proses ini akan memberi jawapan kepada memahami diri penulis puisi yang merupakan teras dan lambang keperibadian beliau dalam dunia serba moden. Diakhir pelayaran pengalaman ini, diharapkan ia menjadi satu titik tolak kepada pemikir di luar sana agar memahami dan menjivai setiap bait puisi yang dihasilkan dengan rasa hati yang cerdas dan berlapang dada dengan pemahaman diri manusia. Falsafah diri ini merupakan ilmu yang perlu diamalkan kerana ilmu tanpa amal ibarat pokok tanpa buah.*

**Kata kunci:** *Puisi, Sastera, Falsafah, Diri, Fenomenologi-Rasa*

#### **ABSTRACT**

*Noise is defined as a state of agitation, hustle, and bustle in which everyone shouts until the atmosphere gets agitated. That's how it feels when you walk into a market. When the author reads T. Alias Taib's Pasar Pengalaman (2004), he has a different feeling. T. Alias Taib's self-philosophy is the market translated in the book Anthology of Market Experience Poetry (2020). This research will travel back in time to the experience that T. Alias Taib had at the time this poem was composed, demonstrating that perhaps the market's noisy scenario remains today. The method that will be used to realize the journey of this study is literary criticism, which is the analysis of literary works using the interpretation of literary works while looking at the complex context to provide an understanding of how the selected poems correspond to the human experience that has never died out. The reader will be made aware of*

*the presence of T. Alias Taib's self-philosophy through the experience journey of the Experience Market. This study's backbone will be the phenomenological-sense theory, which will describe two sorts of structures: multi-layered and quasi-temporal. This will be supplemented with the explanation of taste, as well as phenomenology, or the claim to emotion. This procedure will provide an answer to the poet's self-awareness, which is the center and emblem of his individuality in today's world. It is intended that at the conclusion of this journey of discovery, it will serve as a beginning place for intellectuals to comprehend and enliven each stanza of poetry written with a feeling of creativity and open-heartedness with human self-understanding.*

**Keywords:** Poetry, Literature, Philosophy, Self, Rasa-Phenomenology



eISSN: 2550-214X © 2022. The Authors. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. PENGENALAN

Aspek kesantunan berbahasa merupakan penggunaan bahasa yang sopan dan beradab. Aspek ini bukan sahaja perlu dititikberatkan dalam kalangan masyarakat tetapi dalam penulisan juga termasuk penulisan novel. Berdasarkan kata-kata daripada Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali (2018), Bahasa yang sopan dan beradab amat penting dalam sesebuah novel dan ini juga meliputi semua jenis penulisan termasuk penulisan puisi yang mempunyai gaya bahasa yang tinggi, pemikiran kreatif dan kritis serta pembawakan diri yang selari dengan jiwa penulis. Sesebuah puisi itu lahir kerana ada yang melahirkannya. Umum mengetahui bahawa kelahiran puisi Melayu adalah hasil kegelisahan dan penentangan masyarakat terhadap persekitaran yang tiada kebebasan untuk mengeluarkan perasaan dan fikiran ketika negara dijajah oleh orang asing. Kegelisahan dan penentangan yang dizahirkan adalah pengalaman peribadi setiap manusia yang dijajah mental dan fizikalnya. Jika seseorang manusia itu mempunyai pengalaman dalam hidupnya, pasti ia akan berkongsi dengan khalayak dalam pelbagai bentuk dan medium. Menurut Anan Omar dan Junidsyaji (2019), manusia berinteraksi dengan teknologi mudah alih khususnya telefon pintar dan tablet pada setiap masa. Manusia terlalu rapat dan akrab dengan telefon mudah alih atas keperluan untuk berkomunikasi dan akses kepada media sosial dan hiburan digital. Amalan digital yang melibatkan telefon mudah alih ini dilihat membentuk tingkah laku manusia yang ekstrem dan obsesi pada gajet. Kenyataan ini adalah sebuah analogi yang terbentuk antara manusia (penyair) dan gejet (puisi) yang mana seorang penyair meluahkan pengalaman beliau dengan menulis dan kedua-duanya tidak boleh berpisah antara satu dengan yang lain, kerana melalui puisi sahaja mereka boleh berkomunikasi – menyampaikan mesej dan tidak ada medium lain untuk meluahkan rasa tersebut.

Berbalik kepada perbincangan asal kajian, apakah yang dikatakan sebagai puisi? Adakah puisi ini hanya mempunyai satu jenis sahaja? Jawapannya tidak, puisi mempunyai dua jenis iaitu puisi tradisional dan puisi moden. Dalam puisi tradisional, terdapat syair dan syair sebenarnya hidup dalam puisi tradisional dan moden. Mengapa ini terjadi? Bicara tentang definisi syair terlebih dahulu. Dari segi etimologinya, syair merupakan perkataan pinjaman dari bahasa Arab yang mempunyai kata akar shi'r yang membawa maksud rasa. Rasa yang diterjemahkan dalam penulis syair itu adalah daripada pengalaman yang dilalui. Syair merupakan salah satu cabang puisi tradisional yang masih kekal sehingga kini. Mutakhir, ramai penulis cenderung dalam menghasilkan puisi moden iaitu sajak dan ia adalah luahan dari hati seorang penulis yang bersifat bebas dari segi penulisan, format dan adanya syair (rasa) dalam sajak tersebut. Luahan penulis puisi merupakan satu titik permulaan kepada pengalaman kehidupan penulis itu sendiri. Sohaimi Abdul Aziz (2014), mengemukakan pendapat beliau tentang rasa dalam *Warna Sukma Usia Muda* (2005) apabila meletakkan rasa itu pada emosi. Emosi yang ditemui



terbahagi kepada dua iaitu emosi tetap dan emosi estetik dan ini yang melahirkan rasa atau pengalaman estetik. Hasil penemuan Sohaimi adalah melalui struktur multi lapisan dan struktur kuasai temporal yang melihat kepada hasil bacaan beliau sendiri. Tetapi, dalam kajian ini penulis akan melihat pengalaman rasa dalam konteks yang lebih subjektif untuk menghayati hakikat sebenar diri T. Alias Taib dalam puisi *Pasar Pengalaman* (2004).

Hingar bingar yang diangkat dalam tajuk kajian ini merujuk kepada pengalaman dalam mendepani hakikat kehidupan pada ketika itu. Secara umumnya, mesej puisi dapat difahami dengan memahami teks – kritikan respons – pembaca. Ini akan memberi ruang kepada pengkaji untuk memberi atau mencari makna kepada teks sastera yang dibaca. Sebenarnya, dalam kritikan sastera, teks sastera itu berkembang tanpa sandaran yakni dengan teori yang mempunyai kriteria-kriteria yang boleh digunakan oleh pengkritik sastera untuk membuat penilaian terhadap teks yang dikaji. Seperti juga teori kritis, ia tidak lagi bercakap tentang memahami dan memberi penjelasan, sebaliknya apa yang ditekankan ialah kritikan dan mengubah atau menukar makna secara menyeluruh dalam masyarakat dan sistem nilainya. Teori kritis banyak dipengaruhi teori sosial dengan menggunakan proses analitikal daripada teori sosial untuk mengkritik. Teori yang dimaksudkan seperti feminisme, hermeneutik, fenomenologi dan semua bentuk teori yang bersifat neo-Marxis (Sohaimi Abdul Aziz, 2014). Secara ringkasnya, teori kritis memberi perhatian kepada hakikat kritikan dan amalan kritis. Menurut Bronner (2019), *critical theory emerged in the 1920s from the work of the Frankfurt School, the circle of German-Jewish academics who sought to diagnose - and, if at all possible, cure - the ills of society, particularly fascism and capitalism*. Permulaan teori kritis ini telah wujud berkurun lamanya dan perbincangan tentang perkara ini sangat meluas oleh ramai ahli falsafah seperti George Lukacs dan Ernst Bloch, Theodor Adorno dan Walter Benjamin, Herbert Marcuse dan Jurgen Habermas. Setiap daripada mereka mempunyai pendapat dan pandangan yang tersendiri untuk dibahaskan tetapi masih berada dalam ruang lingkup kesusasteraan.

Walaupun teori kritis ini adalah sebahagian daripada sejarah teori sastera namun, teori kritis tidak dapat membaca lapisan-lapisan tulisan puisi yang dihasilkan. Oleh yang demikian, puisi *Pasar Pengalaman* akan dikupas melalui teori rasa fenomenologi yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori ini akan membantu ke arah mencipta teks – kritikan respons – pembaca. Ini akan membawa kepada latar belakang pembaca dalam mempengaruhi pemerian atau pengisian makna teks sastera. Terdapat tiga aspek yang diberi perhatian iaitu proses membaca, membuat analisis dan interpretasi. Rasa fenomenologi adalah gabungan dua teori iaitu teori rasa dan teori fenomenologi. Rasa adalah merujuk kepada sesuatu yang dikecapi oleh lidah atau keadaan yang dialami oleh tubuh. Rasa ini membawa pengertian emosi yang dilahirkan oleh tubuh badan manusia dalam lapan jenis emosi yang ada pada manusia. Tetapi apabila rasa itu sampai ke hati, rasa itu akan dikenali sebagai “rasa hati” dan ini menghidupkan pengalaman estetik kepada pembaca. Pengertian ini dipersetujui oleh Raniero Gnoli, 1968 membawa maksud rasa kepada pengalaman estetik.

Fenomenologi pula adalah teori yang melihat kepada struktur karya sastera dan respons atau interaksi pembaca dengan struktur itu. Penerangan struktur ini terbahagi kepada dua iaitu multi-layered dan quasi temporal. Kedua-dua struktur ini berhubung antara satu dengan yang lain. Melalui struktur multi-layered terbahagi kepada empat lapisan iaitu lapisan fonetik, semantik, representasi objek dan lapisan objektif. Manakala multi-lapisan quasi temporal adalah melalui objek estetik kepada emosi estetik. Perubahan ini berlaku kerana emosi tetap dan emosi asal itu bergabung.

Bagi menjelaskan struktur multi layered ia dimulakan dengan lapisan fonetik berkaitan dengan bunyi verbal, pembentukan perkataan dan rangkaian perkataan. Seterusnya, lapisan semantik merujuk kepada makna dari ayat dan semua kumpulan ayat yang terkandung dalam teks yang dikaji oleh pengkaji. Manakala, lapisan representasi objek adalah objek-objek yang timbul dalam karya dan ini merangkumi watak, latar dan sebagainya. Terakhir ialah lapisan objektif adalah satu keadaan yang

dihasarkan yakni objektif atau jelas ditunjukkan oleh ayat-ayat atau dalam kumpulan ayat. Oleh yang demikian, kajian ke atas puisi Pasar Pengalaman ini akan menggunakan rasa fenomenologi sebagai sandaran bagi menjawab pengalaman estetik yang diperolehi daripada jejak yang dapat dilakukan sehingga bertemu dengan makna teks berkenaan.

## 2. KAJIAN KESUSASTERAAN

Sejak akhir-akhir ini sekumpulan manusia yang digelar masyarakat telah mula hidup dengan berfikir, apabila mereka berfikir akah lahirnya rasa yang datang dari hati. Hal ini kerana, manusia itu berfikir dengan menggunakan akal dan hati yang bersih. Apabila telah saling melengkapi antara satu sama lain, pemikiran itu hendak diluahkan dan salah satu medium penyampaian yang mudah kepada pemikir ini adalah penulisan. Maka, wujudlah karya-karya sastera yang mempunyai pelbagai bentuk sehingga yang membaca pemikiran Si Penulis terpengaruh dan mula berfikir. Kitaran ini akan terus hidup dari satu generasi kepada generasi yang akan datang.

Jika diperhatikan secara mendalam, masyarakat masa kini lebih cenderung terlibat dengan hiburan digital di media sosial berbanding penglibatan secara fizikal. Aktiviti berhibur menerusi aplikasi Smule merupakan satu gaya hidup baru yang mendapat tempat dihati masyarakat pengguna masa kini. Keadaan ini dipengaruhi oleh aplikasi tersebut yang mampu menyajikan hiburan yang melebihi batas kebiasaan dan sangat menarik minat pengguna untuk terus cenderung menggunakannya (Aznan Omar, Syed Alwi Syed Abu Bakar & Mahizan Hijaz Muhammad, 2021). Ini juga memberi kesan kepada hiburan konvensional seperti pembacaan buku, kajian-kajian ilmiah atau media bercetak yang lain. Tetapi, analisis ini akan berusaha untuk mengembalikan gaya konvensional dengan menelaah karya sastera yang bercetak.

Dalam merungkai karya sastera yang terhasil, analisis perlu difahami dengan bait, cereka, dan rangkap, serta ungkapan karya dapat menyelongkar ilmu yang tersirat dan pemikiran masyarakat yang masih kekal dalam karya hasil karangan masyarakat itu sendiri, Muhammad Haji Salleh berpandangan bahawa, dalam dunia ilmu ini bukanlah kecil atau sempit, malah menggemakan dunia yang lebih luas dan karya yang kita lakarkan hanyalah cebisan daripada kajian dan renungan awal (Eizah Mat Hussain, 2017). Petikan ini memberi satu kesedaran bahawa karya yang dihasilkan mengandungi cabang ilmu yang sangat luas dan setiap yang dihasilkan mempunyai satu panduan dan pedoman bukan sahaja kepada penulis malah kepada pengkaji dan seluruh pelusuk alam.

Apabila Muhammad Haji Salleh bercakap tentang karya pasti definisi karya itu luas serta mempunyai sifatnya yang tersendiri. Secara umumnya, karya membawa maksud hasil kesenian. Hasil kesenian akan lahir daripada seorang pengkarya dengan meluahkan kreativitinya tersendiri. Para penulis puisi juga merupakan pengkarya bagi mewujudkan kesedaran dan mendidik untuk terus bergerak dalam lapangan kehidupan yang kekal abadi. Zainal Abidin, atau Za'ba (1965) mendefinisikan puisi sebagai sebuah karangan yang digunakan untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan penggunaan bahasa yang indah serta melukiskan kemanisan. Seterusnya Za'ba menjelaskan bahawa puisi merupakan penyusunan baris ayat dengan bahagian yang berkerat-kerat yang seiring dengan bunyi, rentak dan isinya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Definisi puisi dikuatkan dengan kenyataan Shahnnon Ahmad dalam Mana Sikana, 1985 tentang puisi. Puisi adalah gabungan kata yang indah dalam susunan yang terindah. Manakala menurut kajian-kajian pengkritik pula, puisi dapat dilihat dari tiga perkara iaitu isi, bentuk dan kesannya. Isi adalah tema atau idea yang ingin disampaikan oleh penulis melalui puisinya seperti politik, ekonomi, keagamaan, nasionalisme, dan kemanusiaan. Bentuk pula terdiri daripada baris, bunyi, pemilihan kata dan bahasa seperti kata konkrit, kata abstrak, bahasa figuratif dan penyimpangan bahasa. Seterusnya kesan adalah mesej iaitu perkara yang mendorong seseorang penyair itu menulis puisi dan mesej tersirat di sebaliknya

tema yang diungkapkan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Anis Sabirin (1973) menjelaskan bahawa hubungan antara puisi dan bahasa itu amat rapat. Hasil daripada hubungan ini, sebuah puisi akan terbentuk dalam susunan bahasa seterusnya menghasilkan bunyi yang menarik lalu menyampaikan sesuatu nasihat dengan lebih bermakna. Makna pula adalah sesuatu yang dapat difahami dan mempunyai hubungan langsung dengan kata. Melalui hubungan ini makna sesuatu kata dan ayat akan terus sampai kepada pembaca. Oleh yang demikian, tujuan penghasilan puisi adalah untuk menyampaikan mesej yang tertentu dalam bentuk penyampaian bahasa yang ringkas dan unik.

Selain daripada T.Alias Taib, salah seorang penulis puisi yang terkenal adalah Zahari Hasib. Beliau merupakan seorang penulis puisi dan pernah mengeluarkan pendapat bahawa, puisi merupakan sebuah karya penulisan terpenting untuk memberi teguran, kritikan dan pendapat terhadap apa jua yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Lantaran itu, beliau turut menekankan bahawa puisi seharusnya dapat menengahkan pelbagai pemikiran positif dan bukanlah sekadar sebuah permainan bahasa serta pembinaan kata-kata bombastik sahaja. Menyokong kenyataan tersebut, Aminudin Mansor (2012) menyatakan bahawa keindahan bahasa yang digunakan oleh setiap penyair itu adalah kata-kata yang sarat dengan maknanya. Walaupun kata-kata itu biasa tetapi ia masih tetap membawa makna yang mendalam sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Menurutnya lagi, setiap satu kata-kata dari jiwa penulis dapat membawa seribu makna dan memberi panduan serta pengajaran kepada manusia.


Tambahan kepada perbincangan puisi di atas, puisi itu terlahir daripada pemikiran manusia. Persoalan kepada siapakah yang dikatakan manusia itu sangat berat. Adakah manusia itu akan kekal gelarannya sebagai manusia dari hari pertama dia dilahirkan sehingga hari terakhir manusia itu berada di muka bumi? Toshihiko Izutsu dalam buku *Sufisme*, Samudra Akrifat Ibn'Arabi (2015) membincangkan istilah Manusia Sempurna. "Dalam memulai diskusi tentang konsep Manusia Sempurna (al-insân kâmil), saya pikir penting untuk mengamati bahwa Ibn 'Arabi memandang "manusia" pada dua tataran berbeda. Perbedaan mendasar ini harus diingat, lantaran apabila kita abai terhadapnya, dengan mudah kita akan tergiring menuju rimba kebingungan". Toshihiko memberi peringatan awal bahawa istilah manusia sempurna itu wujud sekiranya manusia sedar dan temui jalan kembali kepada Allah SWT dengan selamat tetapi hadir peringatan kedua bahawa jika manusia itu abai (lalai), manusia akan terjerumus ke lembah kebingungan (bodoh). Oleh yang demikian, manusia akan sempurna jika manusia itu berfikir dan menemui apa yang difikirkan dengan hati yang bersih dan ikhlas untuk kembali kepada Allah SWT dengan selamat.

Seterusnya, manusia itu kekal dalam dunia dengan kepelbagaian perwatakan. Ini diterjemahkan dalam karya sastera yang sering menjadi rujukan manusia. Karya sastera dalam bentuk puisi, cerpen, drama dan novel disiarkan melalui akhbar, majalah, buku dan juga dilakonkan dalam radio. Maka, karya sastera, sasterawan dan penerbitan akhbar, majalah dan buku membentuk fikiran negara, bukan saja untuk kemerdekaan tetapi pembinaan dan pembangunan (Zin Mahmud, 2019). Pendirian yang dinyatakan membawa satu kebebasan dalam sastera kerana kemerdekaan ini yang membawa kepada pembinaan dan pembangunan bukan sahaja negara malah setiap "isi perut" yang ada dalam sesebuah negara seperti manusia, alam, teknologi, dan lain-lain lagi dengan harapan ini adalah nadi yang memberi petunjuk kepada kehidupan sastera dan manusia. Ini tidak lari dari konsep puisi yang telah dihasilkan. Menurut Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2015), "Dalam pengkajian karya sastera khususnya puisi, pemikiran merangkumi aspek-aspek persoalan atau mesej pengajaran yang cuba disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui karya untuk dijadikan panduan atau teladan dan pengajaran yang berkaitan dengan kehidupan individu atau masyarakat dalam sesebuah negara. Selain itu, pemikiran ialah sesuatu yang terbuka di fikiran dan cuba diluahkan dengan menggunakan wahana yang tertentu". Berdasarkan kenyataan ini dapat disifatkan bahawa persoalan atau mesej daripada pemikiran seseorang adalah kunci utama karya itu terhasil. Penulisan itu akan terlahir secara tersurat dan tersirat sehingga mesej yang hendak disampaikan berjaya difahami oleh setiap orang yang membaca dan mendengarnya.

### 3. KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam kajian ini, adalah kritikan sastera. Kritikan sastera adalah satu aktiviti mental yang melibatkan proses-proses seperti menganalisis, mentafsir dan menilai teks sastera. Terdapat pelbagai jenis kritikan sastera dan kepelbagaian jenis kritikan sastera bergantung kepada perspektif yang digunakan untuk melihatnya. Mengikut perspektif bentuk, kritikan sastera dibahagikan kepada dua jenis iaitu kritikan amali atau terapan dan kritikan teoritis (Sohaimi Abdul Aziz, 2014). Skop teori yang diperkenalkan dalam kritikan sastera ini berfokus kepada teori fenomenologi-rasa.

Bagi menjawab persoalan tentang pengalaman estetik yang diperolehi daripada jejak yang dapat dilakukan sehingga bertemu dengan makna teks *Pasar Pengalaman* rasa fenomenologi akan mengupas persoalan ini. Ini adalah melalui kaedah kualitatif iaitu melalui analisis teks dan kritikan sastera berdasarkan kepada beberapa aspek pemikiran dan pandangan tokoh. Kritikan sastera merujuk kepada aktiviti mengkaji dan menilai hasil kesusasteraan iaitu hasil-hasil karya sasterawan dengan tujuan untuk mengembangkannya ke arah yang lebih baik (Hashim Awang, 1997). Kritikan sastera bermaksud menilai sesuatu karya seni atau karya penulisan melalui proses pembacaan, penghayatan dan penambahbaikan. Tambahan lagi, kritikan seharusnya seimbang kerana proses ini dilakukan bagi menambah baik sesuatu karya. Ini disokong oleh Tengku Intan Marlina (2018) dalam Hashim Awang (1997) kritikan kesusasteraan merupakan suatu usaha untuk menilai hasil-hasil ciptaan seseorang sasterawan atau penulis sastera dengan yang beralas serta bersistem dan bertujuan untuk mengembangkan sesuatu yang difikirkan baik lagi indah. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori rasa fenomenologi yang mana struktur puisi tersebut akan dikupas melalui dua struktur yang berfokus kepada *multi layered* dan *quasi temporal* sejurus itu, rasa akan memberi keseimbangan dalam pengalaman estetik kepada karya yang dikupas. Peck dan Coyle (1993) menyatakan, *...in recent years there has been a great surge of such thinking, much of which challenges established ideas about literature and rejects the assumptions inherent in traditional criticism. The effect of this has been the development of a number of few types of criticism.* Ruang lingkup teori kritikan sastera seperti fenomenologi rasa ini sangat luas kerana ia membawa kepada perkembangan kritikan-kritikan baharu dan juga dapat merealisasikan kritikan terapan kerana aspek teoritikal sesuatu perkara yang dibincangkan akan membantu pengkritik memahami cara kerjanya dan seterusnya dapat diaplikasikan kepada teks-teks yang bersesuaian.



Rajah 1. Memahami penggabungan teori rasa dan teori fenomenologi dari ulasan Sohaimi Abdul Aziz (2014)

Jika dilihat dari sudut lain, teori rasa fenomenologi mampu membawa kajian ini kepada kajian kemanusiaan tanpa had dan tidak berat sebelah (*bias*). Ini kerana olahan teori ini tidak perlu ada pengulangan dalam setiap analisis tetapi setiap analisis perlu hadir dengan satu pemikiran yang

mencipta kepada persoalan dan membawa manusia mengalami sendiri perihal yang dikupas tanpa prejudis. Dengan kaedah ini, akan membawa satu lembaran kehidupan baru kepada manusia tentang kepentingan berfikir secara kritis serta pengalaman yang nyata tanpa ada khayalan yang menyesatkan.

#### 4. JATI DIRI: IDENTITI JIWA YANG MASIH HIDUP

Apabila membaca puisi *Pasar Pengalaman*, pengkaji dapat merasai rasa yang disampaikan oleh T.Alias Taib melalui puisi beliau. Rasa ini disebut oleh Robert Pluchik (1984) adalah emosi prototaip iaitu emosi-emosi yang boleh bergabung sesama emosi dan ia menjadikan emosi itu lebih kompleks. Konsep emosi prototaip ini sama seperti konsep emosi tetap dalam teori rasa. Emosi tetap dirangsang oleh karya yang dibaca dan akan menghasilkan satu pengalaman estetik yang disebut sebagai rasa. Tetapi dalam konteks ini, rasa masih berkisar akan emosi walhal pengkaji dapat merasakan emosi dalam puisi adalah ke arah *feeling - an idea or belief, especially a vague or irrational one*. Persoalan yang timbul adalah emosi dan perasaan – dua perkataan berbeza dan sepatutnya memberi fahaman yang berbeza tetapi definisi emosi ini membolehkan umum memahami bahawa emosi dan perasaan itu adalah sama. Jika diperhatikan secara mendalam, membaca puisi dapat memberikan satu perasaan yang berbeza apabila perasaan tersebut sampai ke hati. Rasa dalam hati ini yang diterjemahkan sebagai *feeling* tetapi rasa yang diterjemahkan oleh deria rasa manusia dan diperlihatkan kepada tubuh adalah emosi semata-mata. Melalui puisi *Pasar Pengalaman*, terdapat perkataan yang merujuk kepada emosi. Konsep emosi tetap adalah sama dengan emosi prototaip yang terdiri daripada lapan jenis emosi yang bergabung sesama emosi dan menghasilkan emosi yang kompleks. Emosi tetap ini akan terhasil daripada faktor persekitaran dan memori daripada manusia itu sendiri. Sebagai contoh dalam puisi ini memang terdapatnya emosi tetap:

**Jadual 1.** Perkataan yang merujuk kepada emosi penulis dan pengkaji.

<i>Emosi Tetap</i>	<i>Puisi</i>
Marah	Ditancapnya pisau itu Tepat ke jantung lelaki kota
Waspada	Berdiri di atas pagar Lebih selamat daripada Berdiri di tanah datar.
Jijik	Bermain politik diri Lebih untung daripada Bermain politik parti.
Sedih	Kumasuki senja yang hingar di sebuah pasar Disambut ketuk seekor ayam
Ngeri	Kesombongan lahir Daripada kekosongan.

Mengenalpasti emosi menjadikan emosi itu bersifat tunggal walaupun kompleks tetapi memahami perasaan lebih kepada subjektif iaitu akan mempunyai pertikaian daripada satu tahap ke tahap yang lain tetapi masih boleh diterima oleh akal fikiran manusia kerana perasaan itu melibatkan apa yang dirasakan oleh jiwa manusia. Persoalan rasa masih tergantung dalam analisis emosi ini, oleh yang demikian persoalan ini akan dibawa dalam konteks fenomenologi dalam dua jenis lapisan dalam analisis seterusnya.

Seterusnya, konsep fenomenologi perlu dirungkai dan digabungkan dengan konsep rasa yang telah dihuraikan melalui emosi dan perasaan. Berdasarkan dua struktur lapisan dalam fenomenologi iaitu *multi-layered structure* dan *quasi temporal structure*, respons pembaca terhadap karya yang

dibaca ada hubungannya dengan struktur pembinaan karya sastera yang dibaca. Empat lapisan yang diperkenalkan dalam *multi-layered structure* akan dirungkai satu persatu dalam *Pasar Pengalaman*.

***Pisau cukur***

*Rayunya tajam*

*Rayunya mata pisau berkilau*

*Di tancapnya pisau itu Tepat ke jantung lelaki kota Tipunya tajam*

*Menghiris berahi lelaki*

*Kota ini mengasah pengalamannya Dan pisau berkilat dipinggangnya*

*Di atas pagar*

*Dia pemain politik pintar Yang berdiri di atas pagar. Pengalamannya mengajar Berdiri di atas pagar Lebih selamat daripada Berdiri di tanah datar.*

*Dia pemain politik diri*

*Yang tidak mementingkan parti. Pengalamannya mengajar Bermain politik diri*

*Lebih untung daripada Bermain politik parti.*

*Sumpah-sumpah*

*Lelaki dengan sumpah-sumpah di mulutnya*

*Pintar berbicara, gemar membaca, Dan punya telaga ilmu yang dalam.*

*Lelaki dengan pengalaman di dadanya Sebentar muncul, sebentar hilang, Sukar dipegang bagai bayang-bayang.*

*Seperti sumpah-sumpah di mulutnya Kulit lelaki bertukar warna Mengikut latar dan suasana;*

*Kata-katanya bertukar rentak Mengikut penutur di sekeliling.*

*Ayam*

*Kumasuki senja yang hingar di sebuah pasar Disambut ketuk seekor ayam*

*Yang kutemui di sini*

*Di tengah-tengah senja hingar ini Kekosongan lahir*

*Daripada kesombongan*

*Yang kubelajar di sini*

*Di tengah-tengah pasar hingar ini Kesombongan lahir*

*Daripada kekosongan.*

*09.ii.01*

Melalui perenggan pertama dalam puisi, lapisan semantik dan lapisan representasi objek dapat dikupas dengan terperinci. Bermula dengan objek pisau dan digabungkan dengan kata cukur menjadikan istilah pisau cukur sebagai peribahasa melayu yang meliputi ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan kata yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Bagi peribahasa pisau cukur, ia cukup sinonim bagi wanita yang suka mengikis kekayaan seseorang lelaki. Kekayaan yang dimaksudkan adalah dalam bentuk harta, wang dan segala yang mampu memuaskan kehendak wanita tersebut. Merujuk kepada puisi di atas, rangkap pertama adalah penegasan tentang wanita yang mempunyai sifat pisau cukur. Melihat kepada perkataan pisau secara fizikalnya, akan datang dalam bayangan kita tentang bentuk dan rupa sebilah pisau yang digunakan oleh wanita di dapur untuk memotong bahan-bahan masakan, ia diperbuat daripada besi, tajam dan kadang kala rasa menyilukan.

Berbeza dengan penggunaan pisau dalam puisi ini apabila dilihat dalam lapisan oobjek ia dianalisis sebagai satu bentuk kekuatan wanita yang mampu menewaskan lelaki dengan pujukan fizikal (tubuh badan) wanita, rayuan suara wanita yang membuatkan lelaki tergoda. Apabila seseorang wanita berjaya menanamkan erti suka kepada lelaki tersebut, maka tewasnyanya seorang yang bergelar lelaki dalam perangkap wanita itu. Merujuk kepada situasi ini, lelaki tewas dan wanita menjadi gagah perkasa dalam menjatuhkan segala ego dan kepahlawanan lelaki matang tersebut. Permainan wanita ini menyingkirkan sifat-sifat lelaki sehingga menggadaikan segalanya untuk wanita yang kononnya mampu memberikan kasih sayang dan cinta kepadanya. Perkara ini dapat dikupas dengan lebih mendalam dalam sisi lapisan objektif iaitu tentang sesuatu keadaan yang dapat difahami dalam ayat puisi tersebut. Penerangan mengenai helah yang merah yakni merujuk kepada ghairah dan tingginya nafsu berahi lelaki tetap kalah apabila segalanya diserahkan termasuk hati dan perasaan lelaki tersebut. Pengalaman hanya berlaku mangsa berterusan atau ditinggalkan tidak bertepian. Wanita pisau cukur dalam konteks puisi ini manusia yang mempunyai sifat *an-nas* (manusia) rujuk bahasa Arab dan mempunyai sifat iblis. Iblis adalah makhluk ghaib yang mempunyai sifat-sifat jahat dan apabila sifat iblis itu ada pada manusia dan manusia menzahirkan sifat iblis tersebut, ia dipanggil syaitan. Ini diskong oleh Rahmah Ahmad H. Osman and Mohd Shahrizal Nasir (2011):

*Selain itu, satu fakta yang tidak dapat dinafikan kebenarannya dalam kisah Risalat al-Ghufran ialah keadaan syaitan yang diperlihatkan sedang menerima seksaan di dalam neraka. Secara jelas, ia menceritakan satu fakta yang memang terdapat di dalam al-Quran iaitu yang menyatakan bahawa tempat bagi syaitan adalah neraka yang bersifat azab.*

Pengkaji melihat secara terperinci syaitan yang dinyatakan dalam kisah *Risalat al-Ghufran* dan ia memperlihatkan kedudukan syaitan yang bersifat azab itu. Walaupun sifat syaitan itu mempunyai tafsiran yang negatif tetapi untuk memberi kefahaman yang mudah perkataan nafsu dapat digandingkan dengan sifat negatif tersebut. Nafsu secara umumnya bermaksud keinginan atau kecenderungan hati yang kuat. Tambahan pula, perkataan nafsu berasal dari perkataan Arab iaitu *nafs* yang bererti jiwa (*soul*). Nafsu turut boleh digunakan untuk menerangkan kata ganti refleksif (*reflexive pronoun*) seperti *himeself* dan selain itu, *nafs* juga digunakan seiringan dengan preposisi atau kata depan seperti *by*, *in*, *with*. Dengan kata lain, terjemahan kepada perkataan *nafs* bermaksud “by himself”. Dari kenyataan tersebut, penulis merumuskan bahawa konsep nafsu itu berhubungkait dengan jiwa (*soul*) seseorang yang hanya boleh dikawal oleh dirinya sendiri (*by himself*). Ini juga merupakan salah satu cara halus untuk memahami lapisan-lapisan fenomenologi yang boleh digabungkan bukan sahaja antara semantik dan objek malah antara semantik – objek – objektif. Maka, dengan ini penulis mendapati bahawa Si Pemuisi berjaya mengolah mengenai kekuatan seseorang itu terletak pada hatinya (ini tertakluk kepada wanita dan juga lelaki) ialah keupayaan untuk menepis godaan nafsu perlulah dikawal sepenuhnya oleh jiwanya.

Perbincaran tentang lapisan semantik diteruskan dengan huraian tentang lumrah kehidupan manusia yang sering berjalan dalam pengalaman diri sendiri, ia bukan sahaja dapat dilihat dengan mata kasar tetapi juga secara halus sering menghiris perasaan yang melihat dan melalui pengalaman tersebut. Kekuatan wanita masih kekal kemas didadanya untuk mencari mangsa bagi menuntut kehendak nafsu kekayaan. Seperti yang dinyatakan pada huraian pertama di atas, ini semua terletak kepada kekuatan hati bagi setiap mereka yang bergelar manusia. Mushtaq (2006), menyatakan hati seperti di dalam hadis diumpamakan seperti raja kepada seluruh anggota badan iaitu tentera yang patuh dan taat. Sekiranya raja itu seorang yang baik akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga berakhlak baik. Namun, sekiranya raja itu buruk akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga akan berakhlak buruk. Kerosakan hati ini yang akan menyebabkan penyakit jasad dan penyakit jiwa (Muhammad Hilmi Jalil., etl, 2016). Dari segi makna tersiratnya, hati merujuk kepada kalbu ataupun *qolbu* dalam bahasa Arab. Dalam falsafah Islam, kalbu merupakan sebab utama disebalik setiap perbuatan intuitif manusia. Islam telah menjelaskan kepentingan kalbu adalah untuk mendalami ilmu pengetahuan yang membantu manusia menjalankan

tugas mereka sebagai khalifah di dunia ini, serta keperluan kalbu adalah untuk merasa dan menjalani kehidupan bagi meningkatkan kualiti diri seseorang.

Seterusnya, cerita puisi Si Pemuisi masih tidak selesai apabila wujud persoalan “dia” dalam puisi ini. “Dia” yang dinyatakan adalah siapa? Untuk mendapatkan jawapan itu, haruslah kita berbalik kepada tujuan seorang pemuisi menulis karyanya. Sebuah karya yang ditulis adalah bertujuan untuk menyampaikan cerita dan seorang pemuisi menceritakan rasa hati, perasaan dan fikirannya setelah melalui pengalaman tersebut. Ini disokong oleh kenyataan Lies Wijayanti (2004), ketika seorang pemuisi sedang berkarya dia sedang mengekspresi fikiran dan perasaannya. Oleh itu, tujuan seorang pemuisi berkarya adalah untuk dirinya. Rujuk kepada setiap perkataan “dia” dalam puisi ini adalah menerangkan tentang sifat manusia yang bergelar ahli politik. Ahli politik yang menghadapi situasi politik pada ketika puisi ini ditulis. Menyingkap sedikit sejarah politik semasa puisi ini dihasilkan adalah pada tahun 2004. Tahun ini merupakan tahun yang bersejarah bagi seluruh masyarakat Malaysia kerana adanya pilihan raya umum. Kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2004 adalah disebabkan oleh faktor ‘Pak Lah’ dengan imej Islam dan mesra rakyat serta ketiadaan isu besar dalam pilihan raya umum tersebut. Manakala pakatan pembangkang pula dilihat begitu rapuh serta tiada satu agenda pembangunan yang jelas untuk memerintah negara, malahan agenda negara Islam yang diwar-warkan oleh Parti Islam Se Malaysia (PAS) tersebut masih lagi kabur dan tidak mempunyai hala tuju yang jelas. Memetik daripada Junaidi et al., 2014, gaya kepimpinan dan tindakan yang dibuat Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri baru telah melahirkan apa yang dikenal sebagai suasana rasa senang dan selesa. Keadaan yang diperkenalkan oleh pemimpin politik ketika itu memberi impak yang besar kepada keseluruhan ahli politik yang lain kerana setiap daripada mereka adalah manusia yang diberikan amanah dan bertanggungjawab.

Lapisan fonetik juga dapat dianalisis dalam rangkap Di atas pagar. Lapisan fonetik ini adalah berkaitan dengan pembentukan perkataan dan rangkaian perkataan tersebut. Ia akan menerangkan secara eksplisit apa yang hendak disampaikan oleh penulis dan pada masa yang sama, lapisan semantik akan melengkapinya lapisan fonetik tersebut. Seperti rangkap ini, ia dapat menerangkan tentang permainan ahli politik, tetapi secara implisitnya ia berbalik kepada politik dalam diri manusia itu sendiri. *An-Nas* merupakan gelaran kepada manusia yang sering diulang dalam Islam dan al-Quran. Gelaran ini terpakai bersama dengan sifat yang mensahsiahkan keperibadian manusia itu bermula daripada manusia keluar daripada perut ibu sehingga ajal menjemput. Kitaran ini dalam dilihat dalam konsep *Islamization of Knowledge* oleh Ismail Raji al-Faruqi apabila meletakkan *unity of humanity* sebagai gambaran kehidupan sebenar manusia.

*First Principles of the Islamic Methodology." They are: the Unity of Allah; the Unity of Creation; the Unity of Truth and the Unity of Knowledge; the Unity of Life; and the Unity of Humanity. Al-Faruqi reasons that the Islamic traditional methodology is inadequate to Islamize modern knowledge due to the following shortcoming.*

(Rosnani Hashim & Imron Rossidy, 2000)

Mengambil salah satu daripada lima prinsip yang diterangkan oleh Al-Faruqi di atas cukup untuk membuktikan kehidupan manusia memerlukan politik. *Unity of Humanity* atau Kesatuan Kehidupan adalah prinsip yang memberi nilai menyeluruh. Ini meliputi kepada kesatuan kemanusiaan, kesatuan antara manusia dan alam, dan kesatuan antara sains dan nilai. Ini adalah inti pati pemikiran dan tingkah laku sosial Islam. Tingkah laku yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah politik dalam diri manusia itu sendiri. Menurut Rodliyah Khuza, Irfan Safrudin, dan Hendi Suhendi (2019):

*From monotheism emerged the concept of the khilafah: that humans are not independent of God but are responsible to God both for their scientific and technological activities. The concept of representation (khilafah) implies that humans do not have anything exclusive but are*



*responsible for maintaining and maintaining harmony in their homes on earth. Thus, the heroic concept of science, whereby scientists may conquer and dominate nature, has no place within this framework.*

Perkataan khilafah itu adalah wakil (ahli politik iaitu diri manusia itu sendiri) yang menggerakkan diri kepada satu pembedaan diri yang nyata sehingga kesempurnaan berlaku. Kesempurnaan ini adalah bagaimana seorang manusia itu lahir dari perut ibu sangat suci ibarat sehelai lembaran putih tanpa tompokan hitam, begitu juga apabila seseorang manusia itu ingin kembali kepada penciptanya perlu suci seperti baru dilahirkan tanpa meninggalkan sebarang tompokan hitam. Ini juga ditegaskan sebagai kesatuan iaitu bersatu dan dari Dia kita datang dan kepada Dia kita kembali (maut yang bermaksud jasad dan roh berpisah). Ini juga yang cuba disampaikan dalam rangkap Lebih untung daripada, Bermain politik parti.

Merujuk kepada Sumpah-sumpah dalam puisi ini, penulis memberi gambaran kepada sifat manusia atau yang paling tepat dalam masa puisi ini dihasilkan, adakah ahli politik itu sendiri? Pengkaji yakin dengan hujah ini kerana kesinambungan daripada awal puisi sehingga ke akhir puisi adalah tentang sifat manusia yang diberi perumpamaan dengan kata ganti diri binatang. Sifat kepada sumpah-sumpah adalah nyata sekali bagi seorang ahli politik yang tidak memegang amanah. Sumpah-sumpah merupakan seekor reptilia yang boleh menukarkan warna badan mengikut warna persekitaran supaya sukar dilihat oleh musuh dan penulis menjelaskan sifat haiwan itu dalam puisi dengan bait Sebentar muncul, sebentar hilang, Sukar dipegang bagai bayang-bayang. Lapisan objektif menguatkan lagi hujah tentang sifat ahli politik yang akan datang dan pergi demi kepentingan peribadi semata-mata – sifat ahli politik dahulu sehingga saat kajian ini dilakukan. Masalah ini bukan terjadi semasa tahun puisi ini ditulis malah terus berlarutan dari satu tahun ke satu tahun. Mengimbuai kejadian pada tahun 2013, Fadzi Ramli dalam Bernama ada melaporkan bahawa “Sifat sesumpah politik Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang membolehkan parti itu 'berubah warna' berdasarkan isu tertentu bagi kepentingannya sendiri, merupakan antara faktor penting PKR kekal dalam arena politik negara”. Kejadian ini adalah cerminan politik yang menjadikan setiap ahli dalam parti tersebut tidak mampu menunaikan manifesto mereka sebelum dilantik sebagai wakil kepada rakyat.

Akhlak mereka semakin jatuh atas dasar kepentingan peribadi tanpa berpegang kepada janji. Menurut Mohd. Yusof Hasan, akhlak manusia terbahagi kepada sifat baik dan buruk seperti yang terkandung dalam prinsip pemikiran lahir. Prinsip pemikiran lahir adalah berkait dengan aspek watak dan perwatakan (Samsina Abd. Rahman, 2013). T.Alias sangat hebat dalam membuatkan manusia berfikir kerana pada setiap awal rangkap akan menuju kepada perkara yang eksplisit yakni situasi yang berlaku ketika itu dan pada hujung rangkap puisi akan memberi penegasan. Penegasan tentang apa yang ingin diterangkan adalah tentang sifat yang ada dalam diri manusia dan bukan tentang ahli politik tersebut. Ini yang peribahasa Melayu nyatakan, ibarat terkena batang hidung sendiri iaitu menimpa diri sendiri dalam bentuk bencana, keaiban, kesusahan, dan lain-lain yang memberi kesan kepada kehidupan manusia.

Jika dilihat dalam multi-lapisan *quasi temporal*, objek estetik beralih kepada emosi estetik. Perubahan ini berlaku akibat daripada emosi tetap dan emosi asal itu bergabung. Emosi ini lahir dari manusia sebagai makhluk Allah yang mana berperanan sebagai khalifah Allah untuk melaksanakan segala perintahNya di muka bumi ini. Watak dan perwatakan manusia adalah objek estetik yang menghasilkan emosi estetik yakni dengan membina serta membentuk peribadi mulia yang mana hasilnya akan mencipta kehidupan selamat dan sejahtera. Beberapa terma yang boleh dirujuk adalah Al-khuluq' mengenai tingkah laku yang mana ia adalah bentuk dalaman. 'Al-khalq' pula adalah kejadian atau bentuk lahiriah seseorang manusia. Setiap umat manusia dikurniakan nafs. Nafs ini terdiri daripada tiga kategori iaitu nafs almutmainnah, nafs al-lawwamah dan nafs al- ammarah. Nafs al-mutmainnah merujuk kepada jiwa yang tenang dan tenteram dengan kehadiran keredhaan dan kasih sayang Allah,


qada' dan qadarnya, menyebut dan mengingatiNya, merinduiNya serta merasakan kedekatan dan kedampingan denganNya. Seterusnya, Nafs al-lawwamah adalah jiwa yang telah banyak mengkritik diri sendiri yang akhirnya menyesal di atas sesuatu kekurangan yang dilakukan terhadap ketaatan atau kesalahan. Nafs al-ammarah menerangkan jiwa yang selalu mendorong manusia melakukan perkara yang membawa kepada keburukan dan mengajak ke arah kesesatan dan kekufuran (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014).

Pengkajian tentang sifat manusia sangat luas tetapi sebahagian manusia itu masih kekal dengan sifat binatang seperti sumpah-sumpah dalam puisi ini. Analogi binatang dalam *Pasar Pengalaman* tidak terhenti kepada sumpah-sumpah malah berlanjutan kepada ayam pula. Meneliti sedikit sifat ayam secara alaminya, ayam akan membuat bising dengan berkokok sehingga riuh sekampung. Tujuan kepada itu adalah lambang kepada kebaikan, pertolongan dan sumbangan yang dilakukan oleh manusia, dan perkara itu mesti diuar-uarkan kepada semua untuk mendapatkan pengiktirafan daripada manusia sekaligus menjadikan seseorang itu ego. Masyarakat akan mula memerhatikan setiap hingar-bingar yang berlaku sehingga menuntut satu kebebasan dalam prinsip logik. Prinsip logik yang dimaksudkan adalah meliputi soal kemasyarakatan, sejarah dan latar yang benar-benar wujud yang mana ia bukan sesuatu yang bersifat khayalan mahupun rekaan (Samsina Abd. Rahman, 2013). Kewujudan latar masa yang dipersembahkan dalam puisi adalah menggambarkan latar masa, tempat dan situasi kehidupan manusia pada ketika itu sehingga saat ini. Penekanan pada dua rangkap terakhir adalah:


*Kekosongan lahir  
Daripada kesombongan Kesombongan lahir  
Daripada kekosongan.*

Manusia tidak mengenal diri dan sering membuka pekung didada dengan mengisi sifat kesombongan, pada hal telah diterangkan oleh Tuhan bahawa manusia itu dijadikan dari air mani yang kotor dan hina. Tetapi apabila telah lahir ke dunia manusia yang kosong, terus menjadi sombong dan kesombongan itu lahir dari sifat diri yang kekosongan. Kekosongan daripada mencari ilmu dan mengenal diri untuk kembali kepada Tuhan dengan selamat.

Pelayaran dalam puisi ini adalah satu pelayaran yang mempunyai banyak cabaran bagi makhluk yang bergelar manusia dan tidak pernah berusaha untuk berhijrah kepada insan. Puisi ditutup dengan satu kesedaran daripada sifat keji kepada sifat kembali. Bingitnya sesebuah pasar bukan sebuah pasar yang ada di atas muka bumi ini tetapi merujuk kepada manusia itu sendiri. Kesombongan itu lahir apabila kekosongan dalam diri sering dilupakan. Ini merujuk kepada fitrah seorang manusia seperti yang ditulis oleh T. Alias Taib dengan membuat olahan yang padu tentang politik dalam *Pasar Pengalaman*. Olahan yang dibaitkan adalah bertujuan kepada peringatan manusia tentang fitrah kehidupan yang seharusnya kembali kepada Tuhan dalam keadaan kosong yakni reda dan diredai. Walaupun puisi adalah sebahagian daripada sastera tetapi puisi tidak pernah lupa untuk mendidik manusia untuk kembali kepangkal jalan dan bermuhasabah dengan mengenal diri (mencari Tuhan). Pelayaran ini berjaya dikupas oleh pengkaji dengan memahami struktur multi layered dalam fenomenologi. Untuk gambaran yang lebih mudah, hasil bacaan dari *multi layered structure*, penulis puisi dan puisi memberi satu erti kehidupan yang terus hidup dari dahulu sehingga sekarang kepada pengkaji.



**Rajah 2.** Pemahaman pengkaji melalui proses untuk memahami puisi dalam rasa fenomenologi.



**Rajah 3.** Hasil membaca puisi melalui rasa fenomenologi.

## 5. KESIMPULAN

Analisis puisi *Pasar Pengalaman* melalui rasa fenomenologi telah dikupas daripada pelbagai perspektif tetapi terdapat persoalan yang masih belum sempurna kupasannya walaupun rasa (dibaca dengan emosi) dan fenomenologi telah dianalisis. Pada tahap rasa (emosi) kelihatan sempurna tetapi rasa (dibaca *feeling*) agak terbatas. Oleh yang demikian, bagi pengkaji yang akan datang dicadangkan untuk melihat konsep rasa (dibaca *feeling*) dengan lebih teliti dan mendalam. Rasa yang dimaksudkan boleh dieksplorasi dengan konsep *form* yang diperkenalkan oleh Plato. Karya sastra yang telah dihasilkan pasti dapat membuka ruang dalam perbicaraan *feeling* kerana hampir semua karya mampu untuk menceritakan falsafah jati diri seseorang insan.

Kesimpulannya, pelayaran sebuah kapal mesti dikemudi oleh seorang nakhoda sahaja, jika mempunyai dua nakhoda yang mengemudi pasti akan memporak-perandakan haluan kapal tersebut. Begitu juga dengan kehidupan manusia, perlu mempunyai satu tujuan, satu jalan dan satu destinasi agar kehidupan akan terus selamat. Analogi ini memberi kesimpulan kepada pembaca untuk memahami perjalanan sebenar sebuah puisi yang masih relevan daripada dahulu sehingga kini. T.Alias Taib menjelmakan jati dirinya dalam bahasa puitis agar manusia dapat membaca jati dirinya dengan mata hati bukan dengan hati yang buta. Walaupun kritikan hebat kepada wanita, ahli politik dilemparkan secara terang-terangan tetapi ini adalah merujuk kepada manusia yang masih kekal sebagai manusia tanpa penghijrahan kepada insan. Insan yang dimaksudkan adalah manusia yang telah kenal diri sendiri dan mengalami kematian sebelum maut hadir. Kematian yang merujuk kepada hancurkan nafsu dan kecintaan kepada dunia secara tidak langsung memberi tumpuan kepada kehidupan yang kekal abadi iaitu akhirat. Istilah yang sering diagungkan oleh manusia iaitu memanusiatekan manusia adalah istilah yang jauh tersimpang dari niat asal manusia itu dihidupkan. Jati diri penulis membuktikan bahawa manusia perlu berhijrah untuk menjadi seorang insan dan daripada insan pasti akan mendapat kematian yang selamat.

Ini dapat difahami apabila hingar-bingar dalam diri manusia itu adalah politik yang nyata. Hingar-bingar yang membawa manusia lupa akan asala usul dan tujuan hidup dengan Tuhan. Ganas mencari keputusan, membuat pilihan, mencari jawapan dan meneruskan kehidupan adalah satu kepayahan yang sering menjadi percakaran dalam diri setiap manusia itu sendiri. Disebabkan oleh hingar-bingar ini, manusia sering dinasihatkan untuk berhijrah menjadi insan kamil yakni seseorang yang sempurna serta telah menemui jalan selamat untuk kembali kepada pencipta. Memahami falsafah jati diri sendiri adalah jambatan ilmu bagi manusia untuk meneruskan pencarian kepada kehidupan yang kekal abadi. Ilmu yang diperolehi perlu diamalakan kerana ilmu tanpa amal ibarat pokok tanpa buah.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan penulisan ini. Jutaan terima kasih kepada penulis bersama Ibrahim Jamaluddin sentiasa memberi sokongan, idea, pendapat dan turut membantu dalam penulisan. Terima kasih pihak Pengurusan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (sekarang Kolej Pengajian Seni Kreatif) dalam memberi sokongan berterusan. Tidak dilupakan rakan-rakan sekampus serta pelajar-pelajar yang turut sama memberikan input ke arah penambahbaikan yang berterusan.

## PEMBIAYAAN

Pengarang tidak menerima sokongan kewangan untuk penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

## SUMBANGAN PENULIS

Nur Nafishah Azmi adalah pengarang utama. Proses analisis terus bergerak dan berubah selepas beberapa kali membaca, perbincangan dan sumbang saran dengan pengarang bersama. Ibrahim Jamaluddin berperanan sebagai pengarang bersama. Beliau sentiasa menyimpan komen dan berkongsi beberapa idea dan pengetahuan untuk memastikan penyelidikan ini masih relevan untuk pembaca dan penyelidik akan datang.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan, dan/atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Aminudin Mansor Zahari Hasib. (April 2012). Penyair kreatif, bersahaja dan kaya pengalaman. *Dewan Sastera*. Dipetik daripada <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1137>
- Anis Sabirin. (1973). *Mengenal puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Aznan Omar & Junidsyazji (2019). 'Gaya hidup digital: Idea dan penghasilan arca awam dalam projek 'Pulikart' di Iskandar Puteri, Johor Baharu, Johor. *Ideology Journal of Arts and Social Science* 4(1), m.s 3-12.
- Aznan Omar, Syed Alwi Syed Abu Bakar & Mahizan Hijaz Muhammad (2021). Budaya berhibur menerusi aplikasi smule dalam karya arca instalasi. *Ideology Journal of Arts and Social Science* 6(2), m.s 43-52.
- Bronner, S. E. (2019). *Critical theory: A very short introduction*. Oxford University Press. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Puisi*.
- Djazlam Zainal. (214 Januari 2017). Pentingnya kritikan sastera. *Sinar Online*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/rencana/pentingnya-kritikan-sastera-1.611633>
- Eizah Mat Hussain. (2017). Simbol tumbuhan dalam pantun melayu bingkisan permata. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 8(2017). <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.3.2017>
- Fadzli Ramli. (24 Februari 2013). Sifat sesumpah politik kekalkan PKR dalam arena politik Negara. *Bernama*. [http://lib.perdana.org.my/PLF/News\\_Online/2013/00042/Bernama%5B24Februari2013%5DSifat%20Sesumpah%20Politik%20Kekalkan%20PKR%20Dalam%20Arena%20Politik%20Ne%20gara.pdf](http://lib.perdana.org.my/PLF/News_Online/2013/00042/Bernama%5B24Februari2013%5DSifat%20Sesumpah%20Politik%20Kekalkan%20PKR%20Dalam%20Arena%20Politik%20Ne%20gara.pdf)
- Hashim ng. (1997). *Kritikan kesusasteraan teori dan penulisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Ideology Journal* Vol. x, No. x, 20xx

- Junaidi Awang Besar. & Mazlan Ali. (2014). Dari barisan ke pakatan: Berubahnya dinamik pilihan raya umum Kuala Lumpur 1955-2013. *Malaysia Journal of Society and Space* 10 (83 - 98). Dipetik daripada <http://journalarticle.ukm.my/7845/1/7a.paper-junaidi.pdf>
- Lies Wijayanti. (2014). *Mozaik: Antologi puisi*. Indie Book Corner.
- Mana Sikana. (1985). *Tanggapan sastera*, Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali (2018). Fenomena kesantunan bahasa dalam novel Lentera Mustika. *Ideology Journal of Arts and Social Science* 3(2), m.s 35-42.
- Muhammad Hilmi Jalil., Zakaria Stapa., & Raudhah Abu Samah. (2016). Konsep hati menurut al-Ghazali. *Jurnal Reflektika* 11(11). Dipetik daripada <http://ejournal.idia.ac.id/index.php/reflektika/article/download/37/33>
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan modal insan dari perspektif kerohanian agama: Islam sebagai fokus. *Journal of Human Capital Development*, 7(1), 33-47. Dipetik daripada <http://journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/viewFile/2137/1284>
- Peck, J. & Coyle, M. (1993). *Literary terms and criticism*. Macmillan Publishers Limited.
- Puisi Moden. (Januari, 2017). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Dipetik daripada <http://lamanweb.dbp.gov.my/index.-php/page/view/113>
- Rahmah Ahmad H. Osman and Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Manipulasi peristiwa israk mikraj dalam Karya sastera arab dan barat: Satu analisis Terhadap al-maqamah al-iblisiah, al-tawabi' Wa al-zawabi', risalat al-ghufran dan the Divine comedy. *Kemanusiaan* 18(1), 53-76. Dipetik daripada <http://web.usm.my/kajh/vol%2018.1.2011/KAJH%2018.1.2011%204.pdf>
- Rodliyah Khuza, Irfan Safrudin, & Hendi Suhendi. (2019). The thought of Isma'il Raji al-Faruqi and its influence in western and islamic civilization. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* (409). 2nd Social and Humaniora Research Symposium (SoRes 2019).
- Rosnani Hashim & Imron Rossidy. (2000). Islamization of Knowledge: A Comparative Analysis of the Conceptions of Al-Attas and Al-Fariqi. *Intellectual Discourse* 8(1), 19-44. Dipetik daripada <file:///C:/Users/nurna/Downloads/479-Article%20Text-988-1112-10-20130508.pdf>
- Samsina Abd. Rahman. (2013). Kembali ke fitrah dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. *Jurnal Melayu*, 11(1), 79-98. Dipetik daripada <http://journalarticle.ukm.my/8559/1/5094-12080-1-SM.pdf>
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training. (InjET)*, 1(2), 1-10. Dipetik daripada <http://www.injet.upm.edu.my>
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). Rasa Fenomenologi: Kritikan Resepsi Pembaca dan Pengalaman Estetik. *Teori kritis dalam kritikan sastera dan kajian budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori kritis dalam kritikan sastera dan kajian budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1931). *Ma'na kebahagiaan dan pengalaman dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- T. Alias Taib. (2004). *Pasar pengalaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2018). Teori dan kaedah aplikasi dalam karya. *Jurnal Melayu* 17(2) 2018. Dipetik daripada <http://journalarticle.ukm.my/13141/1/28678-87579-1-SM.pdf>
- Toshihiko Izutsu. (2015). *Sufisme, samudra akrifat ibn 'arabi*. Penerbit Mizan.
- Zin Mahmud. (2019). Sastera jadi nadi jiwa negara, bangsa. *BH Online*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/06/578185/sastera-jadi-nadi-jiwa-negara-bangsa>
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and* 121-129. Dipetik daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/33344506.pdf>

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

*Setuju.*

*27.1.2023*

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR

*nar*